

### PENGENALAN

**Harta wakaf** : tertahan dari sudut pemilikannya & manfaatnya dinikmati demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam.

**Tujuan tanah wakaf dibangunkan** : untuk perladangan, menjana pendapatan & beri peluang pekerjaan kepada golongan miskin.

**Menurut Imam Syafi'i** : wakaf adalah sedekah muhramat.

**Menurut Imam Sarkhasi (Mazhab Hanafi)** : wakaf ialah tertahan pemilikan harta daripada orang lain.

### PENDEKATAN MUSAQAH UNTUK PROJEK PERTANIAN

**Musaqah (bahasa)** : saling menyiram.

**Musaqah (syara')** : satu kontrak penyerahan tanaman kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil.

#### Hukum Musaqaah :

-majoriti ulama mengharuskan akad kontrak.

-Abu Hanifah & Zufar tidak menggalakkan sama sekali.

### HADIS KONTRAK MUSAQAH

**(a)** "Ibnu Umar r.a menceritakan, bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

**(b)** "Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah ia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 atau 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan."

**(c)** "Sedekah tidak halal bagi orang kaya, orang sihat dan kuat." (Hadis Riwayat Abu Hurairah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w)

### PERKAITAN DIANTARA AGIHAN FAKTOR & AGIHAN PERSONAL

-Agihan faktor merujuk kepada agihan sumber yang dibahagikan kepada golongan miskin yang berkeupayaan untuk menjalankan pekerjaan.

-Agihan personal adalah merupakan peruntukan khas daripada golongan kaya.

-2 jenis agihan ini berkait rapat kerana agihan personal membantu dalam melengkapi agihan faktor.

-Agihan ini bermaksud golongan miskin yang sihat tubuh badan & fizikal akan diberi lima atau sepuluh ekar kebun untuk diusahakan.

### RUKUN MUSAQAH

**1. Kedua Pihak yang Berkontrak** : Kontrak yang dibuat oleh seseorang yang diharuskan berurusan dalam perkara harta adalah sah. (berakal & baligh)

**2. Objek Musaqaah** : Imam syafie mensyaratkan buah kurma & anggur.

**3. Buah** : Pengkhususan bahagian bagi kedua pihak yang beraqad.

**4. Kerja** : Pengurus diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.

**5. Ijab & Qabul** : Ungkapan yang dibuat oleh pihak pemilik/pengurus.



By nuradawiyah a rahim

[cheatography.com/nuradawiyah-a-rahim/](https://cheatography.com/nuradawiyah-a-rahim/)

Published 21st June, 2020.

Last updated 21st June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by **ApolloPad.com**

Everyone has a novel in them. Finish

Yours!

<https://apollopad.com>